

Majlis Pelancaran Kempen Menanam 26 Juta Pokok Greening The Earth : 1 Malaysian , 1 Tree

Kulai Jaya, 22 April 2010 - Majlis Pelancaran Kempen Menanam 26 Juta Pokok – Greening The Earth : 1 Malaysian , 1 Tree Pengerusi Negeri Johor telah diadakan di Kompleks Sukan Bandar Indahpura, Kulaijaya, Johor. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi Dan Alam Sekitar Negeri Johor, Y.B. Encik Tan Kok Hong sebagai wakil rasmi Menteri Besar Johor.

Kempen yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan ini merupakan salah satu langkah kerajaan ke arah mengurangkan isu pemanasan global yang sedang melanda dunia hari ini serta ke arah mencapai sasaran "Negara Dalam Taman" menjelang tahun 2020. Melalui penutusan Y.A.B Menteri Besar, beliau turut mengemukakan penanaman pokok-pokok teduhan oleh semua individu, agensi jabatan dan swasta, serta NGO bagi merealisasikan kempen penanaman ini agar berjaya dan terlaksana. Kesedaran betapa besarnya sumbangan setiap pokok yang ditanam kepada manusia dan alam khususnya harus dipupuk bermula daripada peringkat kanak-kanak lagi.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh semua Pegawai-Pegawai Daerah, Yang Dipertua dan Setiausaha PBT seluruh Negeri Johor selain pelajar-pelajar sekolah dan masyarakat setempat. Sebagai simbolik kepada kempen menanam 26 juta pokok pada hari tersebut setiap Pegawai Daerah dan Yang Dipertua PBT Negeri Johor menerima sumbangan anak pokok jenis *Garcinia Mangostana* (Pokok Manggis) daripada Y.B. Encik Tan Kok Hong pada majlis itu. Manakala sejumlah lebih 100 pokok jenis Keruing dan Merawan Siput Jantan telah di tanam di kawasan tapak pelancaran sebagai sebahagian aktiviti menanam 26 juta pokok diseluruh negara.



Penyerahan bantuan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar 2010

Kluang, 25 Februari 2010 - Majlis ringkas penyerahan bantuan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) telah diadakan di hadapan Pejabat Majlis Perbandaran Kluang (MPK). Penerimaan bantuan telah disampaikan oleh Yang Dipertua MPK, Tuan Haji Abdul Rahman Bin Mohamed Dewam dan disaksikan oleh Ahli-ahli Majlis MPK. Seramai 5 orang pemohon bantuan telah diberi kelulusan secara berperingkat oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan 3 daripadanya telah hadir menjayakan majlis tersebut. Sejak tahun 2006, sejumlah RM 316,504.00 telah diperuntukkan oleh KPKT kepada MPK untuk diagihkan kepada 97 keluarga miskin dan miskin tegar di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kluang.



RM1.2 Juta Untuk Penduduk Kahang



Kahang, 20 Mei, 2010 - Y.A.B Menteri Besar Johor telah mengadakan lawatan ke Kahang sempena lawatan kerja ke Parlimen Sembong.

Sejumlah RM1.2 juta telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan pembinaan Dataran Kahang dan sistem perparitan di Pekan Kahang masing-masing berjumlah RM600 ribu dan RM400 ribu.

Selain itu beliau turut mengarahkan MPK agar menanam pokok dan mengindahkan persekitaran Pekan Kahang memandangkan lannya merupakan laluan utama dari Kuala ke Taman Negara Endau Rompin.



Dalam siri lawatan tersebut, beliau telah berbesar hati menyampaikan bantuan basikal dan beg sekolah kepada 9 orang kanak-kanak miskin dan menyerahkan 3 buah kerusi roda kepada warga emas dan orang kurang upaya. Sumbangan adalah daripada JKM Negeri Johor.



MB Rasmi Dewan Serbaguna Chamek

Chamek, 20 Mei, 2010 - Dewan Serbaguna Chamek telah dirasmikan oleh Menteri Besar Johor, Dato' Hj Abdul Ghani Bin Othman sempena lawatan beliau ke Parlimen Sembong. Dewan yang berkeluasan 832.50 meter persegi itu telah dibina pada tahun 2004 dan siap sepenuhnya pada tahun 2005, menelan belanja RM 1.1 juta daripada peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Dewan tersebut dilengkapi golonggang serbaguna dan kemudahan hawa dingin bagi memberi keselesaan kepada rakyat. Y.A.B Menteri Besar turut menyampaikan bantuan kerusi roda kepada dua orang warga emas dan seorang kurang upaya serta bantuan 10 buah basikal dan beg sekolah kepada kanak-kanak miskin pada majlis tersebut.



Program Gerak Mesra

Kluang, 10 Januari 2010 - Program Gerak Mesra kali pertama telah diadakan di Padang Awam, Taman Kluang Baru. Program tersebut adalah anjuran bersama Majlis Perbandaran Kluang (MPK) dan Jawatankuasa Penduduk Taman Kluang Baru (JPTKB) bertujuan untuk memberi kesedaran kepada penduduk tentang kebersihan persekitaran disamping merapatkan hubungan antara Majlis dan penduduk setempat.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Y.B Dr. Hou Kok Chung, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi merangkap Ahli Parlimen Kluang. Turut hadir menjayakan program tersebut Yang Dipertua MPK, Tuan Haji Abdul Rahman Bin Mohamed Dewam, Ahli Majlis merangkap Pengerusi Zon Taman Kluang Baru, Puan Sim Geok Peng, Ahli-ahli Majlis MPK, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dan masyarakat setempat. Pelbagai aktiviti telah diaturkan sepanjang program tersebut antaranya senam robbik, pameran, pemeriksaan kesihatan dan gotong-royong bersama penduduk.

Yang Dipertua dalam ucapannya melahirkan rasa bangga dan gembira di atas penglibatan penduduk setempat yang telah memberikan kerjasama yang baik. Beliau berharap program-program seperti ini dapat diteruskan lagi bagi memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya menjaga kebersihan di kawasan tempat tinggal dan persekitaran dalam usaha memerangi penyakit-penyakit merbahaya seperti denggi disamping melahirkan semangat kejiwaan, memupuk sifat tolong-menolong dan mempererat hubungan antara penduduk.



Lawatan Kerja bersama YB Adun Mahkota

Kluang, 12 Nov 2009 - Lawatan kerja Yang Dipertua bersama YB Adun Mahkota, Tuan Haji Md Jain Bin Sarday telah diadakan di kawasan Zon Kasih, Zon Kg. Paya, Zon Rham dan Zon Kg Melayu. Lawatan ini merupakan lawatan ketiga YDP selepas lawatan di Zon Kluang Barat dan Zon Kahang. Tumpuan utama lawatan ini diadakan adalah untuk melihat kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir kilat sekitar Bandar Kluang. Turut serta dalam lawatan ini ketua-ketua jabatan dan JKR, JPS, TNB, penghulu dan ketua masyarakat kawasan setempat. Dalam lawatan ini YDP bersama YB telah melihat sendiri keadaan dan tempat-tempat yang menjadi punca berlakunya banjir kilat. YDP telah komited dan berjanji akan berusaha sebaik mungkin menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk. Lawatan yang bermula pada jam 10.30 pagi tersebut berakhir pada jam 6.00 petang di mana Zon Kg. Melayu merupakan kawasan yang terakhir dilawati.



Lawatan Kerja TAMAN KLUANG BARAT

Kluang, 25 Februari 2010 - Lawatan kerja Yang Dipertua ke Taman Kluang Barat bersama pegawai-pegawai Majlis Perbandaran Kluang (MPK), agensi kerajaan dan wakil penduduk telah dilaksanakan bagi meninjau permasalahan yang dibangkitkan di kawasan tersebut secara lebih dekat. Taman Kluang Barat adalah merupakan lokasi pertama program lawatan Yang Dipertua bagi tahun 2010 dan sepanjang lawatan tersebut beberapa isu telah dikenal pasti untuk diambil tindakan segera oleh MPK dan agensi kerajaan yang berkaitan. Lawatan ini adalah merupakan pelaksanaan Program Turun Padang Yang Dipertua yang telah diturunkan sepanjang tahun 2010 sebagai usaha menambahkan sistem penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan khususnya di kawasan MPK.



Lawatan Kerja KE KILANG GUOCERA

Kluang, 4 Mac 2010 - Lawatan kerja ke kilang Guocera Tile Industries Sdn. Bhd. bertempat di Jalan Rengani, Kluang telah dilaksanakan bagi mengenalpasti punca sebenar pencemaran air yang berlaku di Sungai Mengkibol. Lawatan kerja tersebut diketuai oleh Setiausaha MPK, Tuan Haji Muzaldin Bin Haji Mohamed bersama-sama Ahli-ahli Majlis dan pegawai-pegawai MPK. Turut serta dalam lawatan tersebut pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kluang, Puan Fitriati Kuzniasih Gholib Santosa. Lawatan tersebut dibuat dilakukan berikutan aduan orang ramai mengenai pencemaran Sungai Mengkibol yang dikatakan berpunca daripada pembuangan bahan sisa industri yang dihasilkan dari kilang tersebut. Antara lain, tujuan lawatan tersebut adalah untuk mengenaipasti dan melihat sendiri kaedah yang diguna pakai oleh pihak syarikat dalam mengawal dan merawat bahan sisa industri sebelum dialirkan ke Sungai Mengkibol. Dalam lawatan tersebut, pihak syarikat telah memberikan kerjasama yang baik dan berjanji untuk meningkatkan kawalan pelepasan bahan sisa industri agar masalah pencemaran tidak berulang. Pihak syarikat juga berjanji akan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak MPK dan Jabatan Alam Sekitar.



Yang Dipertua Turun Padang... ..



Melawat kawasan bersama-sama Wakil Rakyat dan Ketua-ketua Jabatan



Menasihati penduduk tentang kepentingan penjagaan kebersihan perskitaran



Melawat sekitar kawasan MPK



Melawat kawasan bersama-sama Wakil Rakyat dan Ketua-ketua Jabatan

Lawatan ke Perhentian Bus dan Teksi



Pemantauan alam sekitar.....